



RUKUN NEGARA

Bahwasanya Negara Kita Malaysia
mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,
berikrar akan menumpukan
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut
berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

BAHASA MELAYU TAHUN SEKOLAH KEBANGSAAN 2 JILID 2

PENULIS

Mat Ariffin bin Ismail
Nurfarah Lo binti Abdullah

EDITOR

Razid bin Sahran
Hasnah binti Ahmad Nadzar
Muhammad Hisyam bin Haliah

PEREKA BENTUK

Mazlan bin Mohamed

ILUSTRATOR

Mohd Sazali bin Ibrahim
Rozlin Azrar bin Abd Azib



DBP

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2017



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0125

KK 499-221-0102011-49-1583-20101

ISBN 978-983-49-1583-4

Cetakan Pertama 2017

© Kementerian Pendidikan Malaysia 2017

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula maupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk
Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)
No. Faksimile: 03-21479643
Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:
Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muka Taip Teks: Azim
Saiz Muka Taip Teks: 18 poin

Dicetak oleh:
Ultimate Print Sdn. Bhd.,
Lot 2, Jalan Sepana 15/3,
Off Persiaran Selangor Seksyen 15,
40200 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

PENGHARGAAN

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penambahbaikan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Pegawai-pegawai Bahagian Buku Teks dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Pakar Rujuk Bahasa,
Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah binti Abdul Karim
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Tourism Malaysia, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia
- Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Perak
- Muzium Negeri Perak
- Muzium Negeri Kedah
- Sekolah Kebangsaan Lanai, Kupang, Baling, Kedah
- Sekolah Kebangsaan Datok Keramat (1), Kuala Lumpur
- Wady@Uniaga Aviary, Marang, Terengganu
- Pihak-pihak yang memberikan maklumat, pendapat dan cadangan dalam usaha untuk menerbitkan buku teks ini.

KANDUNGAN

PENDAHULUAN iv

TEMA 5 JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN 1

Unit 13: Bersikap Mulia 2

Unit 14: Hidup Berbakti 7

Unit 15: Oh, Malaysiaku! 13

TEMA 6 ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU 21

Unit 16: Alamku Sayang 22

Unit 17: Kebersihan Alam Tanggungjawab Bersama 29

Unit 18: Mesrai Alam 35

TEMA 7 PERTANIAN DAN PENTERNAKAN 43

Unit 19: Hargailah Pokok 44

Unit 20: Ternakan yang Berfaedah 49

Unit 21: Rajin dan Usaha Tangga Kejayaan 55

TEMA 8 INTEGRITI 63

Unit 22: Anak yang Baik 64

Unit 23: Amalan Baik di Sekolah 69

Unit 24: Berbuat Baik Selalu 75

PENDAHULUAN

Pakej Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 2 Sekolah Kebangsaan (SK) kegunaan mulai tahun 2018 berdasarkan transformasi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang disemak semula. Kurikulum ini diambil sebagaimana KSSR (Semakan). KSSR (Semakan) Bahasa Melayu Tahun 2 SK ini lebih menekankan penyataan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) yang perlu diketahui dan mampu dilaksanakan oleh murid.

Pakej Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 2 SK mengandungi dua komponen, iaitu Buku Teks (BT) dan Buku Aktiviti (BA). BT dan BA mengandungi dua jilid, iaitu BT Jilid 1, BT Jilid 2, BA Jilid 1 dan BA Jilid 2. Kandungan bahan dalam kedua-dua komponen ini dibina berdasarkan lapan tema. Setiap tema mengandungi tiga unit yang menjadikan jumlahnya sebanyak 24 unit. Tema dan unit yang dinyatakan dapat dilihat pada halaman kandungan. Tema tersebut diambil dan diubah suai daripada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR (Semakan) Bahasa Melayu Tahun 2 Sekolah Kebangsaan.

PENERANGAN IKON BUKU TEKS



Nota Guru

- panduan kepada guru untuk melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran
- menyatakan standard pembelajaran dan halaman buku teks bagi halaman yang berkenaan



Kemahiran Mendengar dan Bertutur



Kemahiran Membaca



QR Code



Aspek Tatatabahasa



Ikon Aktiviti

Standard Pembelajaran dan Halaman Buku



Kemahiran Menulis



Aspek Seni Bahasa

Akhir sekali, persembahan komponen buku teks ini turut menggunakan watak-watak tertentu bagi menceriakan dan mendekatkan murid dengan bahan yang dibangunkan. Watak-watak utama muncul dalam setiap tema. Watak-watak ini akan dibantu oleh watak sampingan.



Hasan



Elis



Aidil



Seok Ling



Kok Bun



Komala



Julaihi

Kesimpulannya, Pakej Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 2 SK ini dibina selaras dengan “Pembelajaran Abad Ke-21”.



TEMA
5

JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN



Aktiviti

Bercerita berdasarkan gambar.



Bersikap Mulia



Mendengar dan Bertutur


Amalan yang Baik



membawa bendera



menghormati bapa



saling bermaafan

Hasan: Selamat pagi, Elis. Bagaimakah peserta sukan sekolah kita menunjukkan sikap bangga akan negara?

Elis: Selamat pagi. Peserta sukan sekolah kita menunjukkan sikap bangga akan negara dengan 😊.

Hasan: Bagaimakah cara kita menghormati bapa?

Elis: 😊

Hasan: Komala, jika berlaku perselisihan faham sesama kita, apakah yang perlu kita lakukan?

Komala: Kita perlulah 😊



Aktiviti

Memberikan respons terhadap soalan.



Nota Guru

- Bimbing murid untuk memberikan respons berdasarkan gambar.

Strategi: KB – Menghubungkaitkan
EMK: Nilai Murni – Memupuk semangat perpaduan
KBAT: Mengaplikasi (melengkapkan)

KP: Interpersonal

1.1.2 (i)
BA2: 1



Membaca

Aku Bangga Berbahasa Melayu

Pada suatu petang, Hasan dan rakan-rakannya membaca pantun. Mereka akan mempersembahkan pantun itu semasa perhimpunan di sekolah.

Kok Bun, dengar
pantun daripada saya.

Pohon sena pohon pulasan,
Subur kepayang di perdu ara;
Marilah guna bahasa kebangsaan,
Buktikan sayang akan negara.



Ini pantun saya.

Kait mangga bergalah kayu,
Manis dirasa sama teruja;
Saya bangga berbahasa Melayu,
Setiap masa di mana-mana saja.



Hasan: Elis, tolong berikan nilai yang kamu peroleh daripada pantun pertama dan kedua. Seok Ling pula untuk pantun ketiga dan keempat.

Elis: Nilai pantun pertama ialah bukti kita sayang akan negara jika kita menggunakan bahasa kebangsaan kita. Nilai pantun kedua 😊.

Seok Ling: 😊.

Dengar pantun saya pula.

Memukat ikan di Sungai Sekayu,
Berkongsi bekal makan di muara;
Jangan rosakkan bahasa Melayu,
Barulah kekal tetap terpelihara.



Ini pantun saya pula.

Ikan puyu ikan gelama,
Enak dimakan bersama teman;
Bahasa Melayu sudahlah lama,
Terus gunakan sepanjang zaman.



Aktiviti

Menyatakan nilai daripada pantun.

Nota Guru

- Bimbing murid memahami pantun.

Strategi: KB – Merumuskan

EMK: Nilai Murni – Cinta akan negara



Pembelajaran Kontekstual –
Mengaplikasi

2.3.1 (iii)
BA2: 2-3





Menulis

Sekolah Kebanggaanku

Sekolah ini dibina pada:

- 1 Disember 1951
- terletak di atas sebuah bukit di Kampung Lanai, Kupang, Baling, Kedah

Tujuan dibina:

- membasmi buta huruf
- menyediakan tempat murid belajar

Kejayaan:

- johan Pertandingan Tilawah Al-Quran Peringkat Daerah Baling, 2014
- johan Pertandingan Bicara Berirama Peringkat Negeri Kedah, 2014



Murid-murid rajin dan mempunyai semangat juang yang tinggi.

Semua murid berikrar:

- akan meneruskan kejayaan
- akan mengekalkan kecemerlangan



Sekolah Kebangsaan Lanai telah dibina pada 1 Disember 1951. Sekolah ini . Kawasan sekolah ini sangat cantik dengan pokok-pokok bunga.

Penubuhan sekolah ini adalah untuk membasmi buta huruf dalam kalangan murid. Selain itu, sekolah ini juga dapat .

Sekolah ini berjaya dalam pelbagai pertandingan seperti . Murid-murid Sekolah Kebangsaan Lanai mempunyai .

Semua murid berikrar .



Aktiviti

Menghasilkan penulisan bukan naratif secara separa terkawal.

Nota Guru



- Bimbing murid memahami isi untuk menulis karangan.

Strategi: KB – Menjanakan idea
EMK: Nilai Murni – Menghargai

Pembelajaran Konstruktivisme –
Menghubungkaitkan

3.3.1 (i)
BA2: 4–5





Kata Dasar

Sehari di Sekolah






bawa



beri



buka



1. Hasan membawa buku ke bilik guru.
2. Dia memberikan buku itu kepada Cikgu Aiman.
3. Hasan membuka penutup tong sampah untuk membuang sampah.
4. Dia me seorang murid perempuan yang ingin memetik bunga di taman sekolah.
5. Hasan ber dengan Cikgu Asri.
6. Murid-murid ber semasa membeli makanan di kantin.



Aktiviti



6

Nota Guru

- Murid mengenal pasti kata dasar yang sesuai.
- Murid melengkapkan ayat dengan menggunakan kata dasar berpandukan gambar.



Hidup Berbakti

14



Mendengar dan Bertutur

Ayahku Guru



Elis, sila lihat tayangan slaid ini.

Beliau ialah ayah saya. Gambar itu diambil semasa beliau bertugas di Sarawak.

Ayah saya terpaksa menaiki

...



Baiklah, Hasan. Siapakah beliau?



Oh, begitu! Hasan, minta kamu bercerita tentang slaid kedua itu.



Hebat ayah kamu. Harap kamu dapat bercerita tentang tempat tinggal ayah kamu di sana.



Aktiviti

Memberikan respons berdasarkan suruhan.

Nota Guru

- Bimbing murid mendengar dengan teliti untuk memberikan respons.
- AT: Lakukan simulasi.



Strategi: KB – Menghubungkaitkan

EMK: Nilai Murni – Cinta akan tanah air

KP: Interpersonal
Memahami (Menterjemah)

1.1.2 (ii)
BA2: q





Membaca

Berbakti demi Anak Bangsa

Selepas tamat belajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Cikgu Muzalfah menunggu surat tawaran kerja. Beliau berasa gembira apabila menerima surat itu selepas membuat permohonan.

Cikgu Muzalfah mendapat tawaran mengajar di Sarawak. Beliau akan mengajar di Sekolah Kebangsaan Kampung Petanak, Mukah. Beliau telah dihantar oleh keluarganya ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. **Beliau akan berjauhan dengan keluarganya.**

Setelah sampai di sekolah itu, Cikgu Muzalfah disambut dengan mesranya oleh penduduk kampung. **Beliau mengajar murid dengan penuh kasih sayang.** Oleh itu, semua murid suka akan Cikgu Muzalfah.

Cikgu Muzalfah amat mementingkan kejayaan muridnya. Jadi, beliau mengajar mereka dengan bersungguh-sungguh.

Akhirnya, banyak murid telah berjaya dalam peperiksaan. Murid-muridnya berterima kasih kepada Cikgu Muzalfah.

Pernyataan	Nilai
Beliau akan berjauhan dengan keluarganya.	cekal
...	...



Aktiviti

Menyatakan nilai daripada petikan.





Menulis

Galeri Keluarga

Encik Mahzan dan keluarganya melancong ke Sarawak. Encik Mahzan disambut oleh Encik Fauzi dan anaknya, Julaihi.

Encik Fauzi membawa Encik Mahzan ke romahnya. Elis, anak perempuan Encik Mahzan berkenalan dengan Julaihi. Mereka berbual dengan mesrenya.

Elis kagom kerana ada sebuah galeri yang dibina oleh Encik Fauzi. Julaihi membawa Elis dan keluarganya memasuki galeri tersebut.

Di dalam galeri itu terdapat gambar datok Julaihi. Beliau pernah berjuang menentang penjajah. Beliau sanggop bergadai nyawa menentang penjajah.

Elis berasa bangge selepas membaca maklumat tersebut. Dia teringat akan pejuang yang sama di negeri asalnya, iaitu Wan Mat Saman.



Aktiviti

Mengedit dan memurnikan teks dari aspek ejaan.

Nota Guru

- Minta murid mengenal pasti kesalahan ejaan.

AT: Cari maklumat pejuang yang mempunyai jati diri di tempat kamu.

Strategi: KB – Menganalisis

EMK: Nilai Murni – Sayang akan negara

Pembelajaran Kontekstual –
Memindahkan



3.3.2 (i)
BA2: 11





Seni Bahasa

Setianya Tentera Negaraku

Di mana dia tentera darat kita?
 Tentera darat kita di dalam hutan rimba
 Itulah dia tentera darat kita
 Siap berjuang demi maruah bangsa

Can Mali Can
 Can Mali Can
 Can Mali Can
 Ketipung payung } ulang 2 kali



Di mana dia tentera udara kita?
 Tentera udara kita di ruangan angkasa
 Itulah dia tentera udara kita
 Tekun berkawal tanpa fikirkan masa

Can Mali Can
 Can Mali Can
 Can Mali Can
 Ketipung payung } ulang 2 kali



Di mana dia tentera laut kita?
 Tentera laut kita di tengah samudera
 Itulah dia tentera laut kita
 Gagah pertahankan kedaulatan negara.



*Irama lagu “Can Mali Can”



Aktiviti



IMBAS SAYA

Menyanyikan lagu sambil melakukan aksi mengikut seni kata lagu.



10

Nota Guru

- Bimbing murid menyanyikan lagu dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.

Strategi: KB – Menilai
 EMK: Nilai Murni – Sayang akan negara

KP: Muzik – Kinestetik

4.2.2 (ii)
 BA2: 12



Kata Tunggal

Jasa Nenekku terhadap Negara

Ibu, tolonglah bercerita tentang pengorbanan nenek kepada negara suatu masa dahulu.



Elis, dahulu, nenek kamu seorang pejuang. Nenek bertugas sebagai anggota polis sebelum merdeka. Pada masa itu, nenek dan beberapa orang polis lelaki bertugas di pondok yang berbumbung zink. Nenek menjaga pintu untuk masuk ke kampung.



orang zink masuk

cuaca wanita kanak-kanak



doa makan minum

duduk pingat bangga

_____ .
_____ .
_____ .

_____ .
_____ .
_____ .



Aktiviti

Membina ayat dengan menggunakan kata tunggal mengikut konteks.

Info Bahasa

Kata tunggal ialah perkataan yang terdiri daripada satu kata dasar yang mempunyai makna tersendiri. Contoh: cat, bola, jalan dan negara.



- Bimbing murid mengenal pasti kata tunggal berdasarkan bahan.

Strategi: KB – Menghubungkaitkan
EMK: Nilai Murni – Keberanian

Pembelajaran konstruktivisme –
Menjelaskan

5.2.1 (ii)
BA2: 13–14





Kata Berimbuhan Awalan

Tok Batin yang Dihormati



Saidin bin Bujang ialah tok batin. Beliau **menjadi** tok batin di sebuah kampung di negeri Selangor.

Beliau akan **berjalan** di sekitar kampung setiap hari. Beliau akan **bual-bual** dengan penduduk kampung. Tok batin akan **cari** jalan untuk menyelesaikan masalah di kampung itu.


Seterusnya, beliau memastikan penduduk kampung menghantar anak mereka ke sekolah. Jadi, penduduk di kampung itu **dapat** pendidikan yang sempurna.

Jika anak buahnya sakit, tok batin akan pergi ke rumah mereka. Beliau



akan **tanya** tentang khabar mereka. Jadi, hubungan mereka sangat mesra.

Saidin suka akan tugasnya sebagai tok batin. Beliau **janji** akan **bantu** anak buahnya hingga berjaya.



Info Bahasa

Imbuhan awalan ialah imbuhan yang diletakkan pada awal perkataan. Contoh: *me-*, *mem-*, *men-*, *meng-*, *menge-* dan *ber-*.



Aktiviti



**Unit
15**

Oh, Malaysiaku!

Mendengar dan Bertutur



Menjaga Keselamatan Penduduk

Hasan, beritahu ayah kamu bahawa malam esok beliau perlu datang awal ke pondok kawalan keselamatan.

Minta ayah kamu bawa lampu picit.

Baiklah, Pak Cik Hairi. Saya akan memberitahu ayah bahawa beliau perlu datang awal ke pondok kawalan keselamatan malam esok.

Baiklah. Saya akan memberitahu ayah saya bahawa ... :

Ayah, Pak Cik Hairi berpesan, ayah perlu datang awal ke pondok kawalan keselamatan dan membawa lampu picit.



Aktiviti

Memberikan respons terhadap pesanan.

Nota Guru

- Bimbing murid mendengar untuk memberikan respons.

AT: Lakukan simulasi.



Strategi: KB – Menghubungkaitkan

EMK: Nilai Murni – Amanah

KP: Interpersonal

1.1.2 (iii)
BA2: 17





Membaca

Bertuahnya Rakyat Malaysia

Kita ke sekolah sama-sama
Ceria kita semua tersedia
Enam tahun tidaklah lama
Alam remaja kita semua

Kami dididik setiap hari
Semua dijarkan kenali diri
Rukun negara kami patuhi
Negara aman kami sayangi

Rajin belajar dan bertanding
Terus jaya di menara gading
Hebat cemerlang rakan keliling
Sedia bekerja dan dibimbing

Terima kasih kerajaan
Beri kami kemudahan
Kami belajar dengan senang
Hidup kami pun akan tenang.

*Irama lagu “Bapaku Pulang dari Kota”



Penilaian	★	★★	★★★
Sebutan			
Intonasi dan suara			
Kelancaran dan irama			



Aktiviti



IMBAS SAYA

Mempersembahkan lagu kanak-kanak mengikut irama.

- Minta murid membaca seni kata.
Strategi: KB – Menilai
EMK: Nilai Murni – Bertanggungjawab

KP: Muzik





Menulis

Aku Warganegara Malaysia

Situasi di sekolah

“Siapakah yang terpilih mewakili sekolah kita dalam pertandingan badminton peringkat daerah?” tanya Cikgu Ramlan kepada anak muridnya.

“Kami, cikgu!” jawab Hasan dan kawan-kawannya.

1. Syabas, Hasan Idris dan Kok Bun kerana kamu bertiga terpilih untuk mewakili sekolah kita ke peringkat daerah kata Cikgu Ramlan.
2. “Kamu semua perlu mengisi maklumat dalam borang kebenaran penjaga ”

Situasi di rumah

1. “Ayah, di manakah boleh saya mendapatkan maklumat tentang diri saya Sijil ini sebagai bukti bahawa kamu rakyat ” tanya Hasan.
4. “Amboi, bijaknya anak ayah

Aktiviti



Memurnikan teks dari aspek tanda baca.




Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti kesalahan tanda baca.

Strategi: KB – Mengenal pasti

EMK: Nilai Murni – Bertanggungjawab

Pembelajaran Kontekstual –
Memindahkan





Seni Bahasa

Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran

Sajak 1

Malaysia negara aman
Tumbuhan hijau bagaikan taman
Penghuninya pelbagai bangsa
Warganegaranya taat setia.

Malaysia tempat tumpah darahku
Kad pengenalan bukti diriku
Kugenggam erat sumpah dan setiaku
Warganegara bersatu
Sentiasa padu.

Demi satu bendera
Demi bangsa Malaysia
Kukuhkan toleransi
Hidup aman harmoni.



CONTOH

Sajak 2

Aku anak warganegara
Tertera pada sijil kelahiran
Arif nama diberi
Lelaki jadi bukti jantina
Nama ibu, bapa dan agamaku
Tercatat dengan jelasnya
Aku harapan nusa dan bangsa
Aku tentang musuh negara
Ini ikrarku sebagai anak watan.



CONTOH

Ciri sajak 1

- mempunyai tiga rangkap
- suku kata akhirnya sama

Ciri sajak 2

- tidak mempunyai rangkap
- suku kata akhirnya bebas



Aktiviti

Mendeklamasikan sajak.



Nota Guru



- Bimbing murid mengenal pasti sajak bebas dan sajak berangkap.
- Strategi: KB – Membandingkan dan membezakan KP: Verbal-linguistik
- EMK: Nilai Murni – Setia akan negara



Perkataan Berimbahan Akhiran

Jiwa Patriotik

- Elis: Selamat pagi, Hasan. Sila amati gambar tokoh guru ini. Tolong tampalkannya dalam buku skrap. Pastikan gambarnya ditampalkan pada ruang yang berbentuk bulat itu.
- Hasan: Baiklah, Elis. Saya akan menampalkannya dalam bulatan ini.
- Kok Bun: Komala, kamu pula catat _____ maklumat tentang tokoh guru itu. Tahukah kamu akan biodata beliau?
- Komala: Saya tahu. Beliau amat saya hormat _____. Maklumat beliau saya dapat _____ daripada Internet. Nama beliau ialah Azizul Rahman bin Abdul Rahman.
- Kok Bun: Buku skrap kita sudah siap. Ibu saya telah menyediakan jamu _____ untuk kita. Mari kita nikmat _____ kuih-muih dan minum _____ ini.



Tokoh Guru
Kebangsaan 2016
'Melahirkan banyak murid
yang cemerlang'.
Pendekatan dan kaedah
pengajarannya terbaik.



Aktiviti

Menggunakan imbuhan akhiran mengikut konteks.



Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti imbuhan akhiran berdasarkan teks.

Strategi: KB – Mengenal pasti
EMK: Nilai Murni – Kerjasama

Pembelajaran Konstruktivisme
: Mencipta (menghasilkan)

5.2.1 (iv)
BA2: 23–24





Kata Dasar, Kata Tunggal, Kata Berimbahan Awalan dan Kata Berimbahan Akhiran

Malam Kemerdekaan



berkumpul



ambil



_____ nanti



_____ gema



_____ diri



_____ julang

Hasan ke sekolah dengan keluarganya. Mereka **berkumpul** di situ untuk menyambut Hari Kemerdekaan Malaysia.

“Ambil _____ bendera kecil ini untuk keluarga kamu,” kata Cikgu Rahman kepada Hasan.

Mereka _____ nanti sambil _____ di atas kerusi. Tepat pada pukul 12:00 tengah malam, laungan ‘Merdeka!’ _____ gema.

Mereka _____ diri tegak dan me _____ kan lagu Negaraku. Mereka _____ julang bendera Malaysia dengan gembiranya.



Aktiviti



Nota Guru

- Bimbing murid melengkapkan ayat.

Strategi: Mengenal pasti
EMK: Nilai Murni – Kerjasama

Pembelajaran Konstruktivisme –
Menghubungkaitkan

5.2.1 (i), (ii)
(iii) & (iv)





Pemulihan

Bina dua ayat berdasarkan gambar dan kata tunggal.



berus

bendera



makan

letih




pandai

tali





Pengayaan

Senaraikan imbuhan yang tersebunyi, kemudian lengkapkan karangan berdasarkan gambar.



Cepat, tinggikan rumah kita dengan segera.

jaya



Pada suatu malam, hujan turun dengan lebatnya. Banyak anai-anai berasa cemas apabila air yang mengalir ke rumah mereka.

Raja anai-anai berkata, "Cepat, .

Selepas itu, semua anai-anai dengan tekunnya. Akhirnya, rumah mereka diselamatkan. Air tidak menenggelamkan rumah mereka.

", kata raja anai-anai kepada haiwan lain yang datang untuk melihat rumah mereka.



TEMA
6

ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU

Alam yang mesra



Alam bersih kehidupan sejahtera



Teknologi hijau meningkatkan kualiti hidup



Aktiviti

Bincangkan.





Alamku Sayang

16



Mendengar dan Bertutur

Pokok Pembersih Udara

Elis, tolong ibu tolak kereta sorong ini ke belakang rumah.

Pokok-pokok hiasan ini dapat membersihkan udara. Di belakang rumah kita ada projek pembinaan. Banyak debu berterbangan. Minta tolak dengan berhati-hati, Elis.

Baiklah. Saya akan menolong ibu. Mengapakah pokok-pokok hiasan ini hendak dibawa ke sana?

...



Bolehkah ibu beritahu saya nama pokok-pokok ini?



Harap Elis susun pokok-pokok ini di tepi pagar.



pokok palma

pokok bunga ros

pokok bunga kertas

pokok keladi



Aktiviti

Memberikan respons terhadap permintaan.

Nota Guru

- Minta murid mendengar dengan memberikan respons terhadap permintaan.
- AT: Lakukan simulasi
Strategi: KB – Menghubungkaitkan
EMK: Nilai Murni – Taat

Pembelajaran Kontekstual –
Menghubungkaitkan

1.1.2 (iv)
BA2: 25





Membaca

Sena Terselamat

Sena ialah sebatang pokok yang hidup di dalam hutan. Sena berkawan baik dengan haiwan-haiwan di situ.

Pada suatu hari, ketika Sena berbual-bual dengan kawan-kawannya, dia ternampak seorang penebang pokok.

“Hei kawan-kawan, cepat lari! Ada penebang pokok sedang menghampiri kita,” jerit Sena.

“Tidak, kami tidak akan membiarkan kamu dalam bahaya, Sena. Selama ini, kamulah tempat kami berteduh, mendapat makanan dan menghirup udara segar,” kata haiwan-haiwan di dalam hutan itu.

Ketika Si Penebang bersiap sedia untuk menebang Sena, dia terdengar ngauman Sang Singa. Dia ketakutan dan berlari untuk menyelamatkan diri.

A blue thought bubble contains the text: Pokok dan haiwan di dalam hutan saling bekerjasama. Saya tidak akan menebang pokok di dalam hutan lagi!

Aktiviti

Mempersembahkan cerita dengan gaya yang menarik.



Nota Guru

- Bimbing murid memahami cerita untuk membuat persembahan dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.



Strategi: KB – Membuat gambaran mental
EMK: Nilai Murni – Semangat bermasyarakat



Menulis

Gembira di Tasik Biru, Sarawak

Pada cuti persekolahan yang lalu, Elis dan keluarganya berkunjung ke Tasik Biru, Sarawak. Mereka melihat ramai **tetamu** bersenam dan berjoging di sekeliling taman.

Taman tasik ini sungguh indah dan bersih kerana dijaga dengan **ketatnya**. Orang ramai tidak memetik **pokok** dan memijak rumput. Sampah **dicampak** ke dalam tong sampah dengan cermatnya.

Udara di Tasik Biru bersih dan **sihat**. Sejuk mata memandang air tasiknya yang **keruh** dan tidak tercemar. Malah, pokok-pokok di sekeliling tasik ini tumbuh menghijau dan segar.

Elis dan ibunya berasa **rimas**. Walaupun taman ini dikunjungi ramai, tetapi **kesegarannya** tetap dipelihara.

	Penggunaan kata yang tidak tepat	Penggunaan kata yang tepat
1.	tetamu	pengunjung
2.	ketat	rapi



Aktiviti

Mengedit dan memurnikan teks dari aspek penggunaan kata.

Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti dan mengedit penggunaan kata yang kurang tepat dalam teks.



Strategi: KB – Mengenal pasti
EMK: Nilai Murni – Kesyukuran

BCB: Bacaan imbasan dan luncuran

3.3.2 (iii)
BA2: 27





Seni Bahasa

Indahnya Alam

Padankan pembayang maksud dan maksud pantun yang sesuai dengan pantun di bawah.

Menghias kota pepohon palma,

Jadi tumpuan para pelancong.

Flora dan fauna pelengkap alam,

Pastikan bersih setiap detik.

Daun melati jatuh bertabur;

Mari berlatih tarian barongan,
Gemersik alunan irama keroncong;
Pantai memutih indah pandangan,



Benih selasih mari disemai,



Pantai nan bersih mengundang damai,
Tenangnya hati ketika berlibur.

Pohon nona di tepi kolam,
Buah di dahan dipetik teruna;



Ciptaan Tuhan paling sempurna.



Tempat berkasihi si burung jelatik;
Alam kita tanggungjawab bersama,



Aktiviti

Mencipta pantun secara separa terkawal dan mempersembahkannya.



Nota Guru



- Bimbing murid memahami pantun dan mempersembahkannya dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.




Kata Majmuk

Sayangi Air Terjun Kita

Pada hari minggu yang lalu, Hasan dan keluarganya telah berkelah di kawasan air terjun.

Ketika sampai, mereka melihat sepasukan anggota Persatuan Pencinta Alam sedang membersihkan kawasan air terjun. Hasan dan keluarganya turut membantu anggota Persatuan Pencinta Alam itu.



Kata majmuk ialah gabungan dua kata dasar atau lebih untuk menghasilkan satu kata baharu. Contoh: alat tulis, sапу tangan, аtur cara, kaki bangku.

Bercerita menggunakan kata majmuk mengikut konteks.

Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti kata majmuk yang terdapat dalam gambar.



Strategi: KB – Mencirikan

EMK: Nilai Murni – Menyayangi dan menghargai alam sekitar

KP: Naturalis

5.2.2
BA2: 2q



Kata Ganda

Parkir di Hutan Lipur Bukit Wang, Jitra, Kedah

Pengunjung-pengunjung tidak dibenarkan memandu masuk kenderaan masing-masing ke Hutan Lipur Bukit Wang. Peraturan ini bagi memastikan kawasan **mandi-manda** di Bukit Wang bebas daripada pencemaran asap.

Asap daripada kenderaan yang **lalu-lalang** di situ telah dikenal pasti sebagai satu daripada punca pencemaran di kawasan Hutan Lipur Bukit Wang. Penduduk tempatan telah **bersama-sama** membina tempat parkir di luar kawasan Hutan Lipur Bukit Wang. Aktiviti gotong-royong itu mengambil masa **berbulan-bulan** tetapi hasilnya amat membanggakan.

Penat lelah para penduduk sudah berbalas. Kini, kawasan Bukit Wang bebas daripada asap kenderaan. Udara di situ semakin bersih dengan **pepohon** menghijau. **Beburung** dan rerama terbang dari dahan ke dahan. **Ikan-ikan** kecil berenang-renang di dalam sungai yang jernih.

Oleh itu, diharap agar semua pengunjung terus mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan.

Kata Ganda

Kata Ganda Penuh

- pengunjung-pengunjung
- ikan-ikan
-

Kata Ganda Separa

- pepohon
- beburung
-

Kata Ganda Berentak

- mandi-manda
- lalu-lalang
-

Kata Ganda Berimbuhan

- bersama-sama
- berbulan-bulan
-

Info Bahasa

Kata ganda ialah perkataan yang diulang atau digandakan secara penuh, separa, berentak dan berimbuhan.

Contoh: *baju-baju, lelangit, kuih-muih, gunung-ganang* dan *melambai-lambai*.



Aktiviti

Membina ayat dengan menggunakan kata ganda mengikut konteks.



Nota Guru



- Bimbing murid mengenal pasti kata ganda yang terdapat dalam teks.

Strategi: KB – Menganalisis
EMK: Nilai Murni – Prihatin

Pembelajaran Kontekstual –
Memindahkan

5.2.3
BA2: 30



Kebersihan Alam Tanggungjawab Bersama



Mendengar dan Bertutur

Menjaga Alam



Ayah, semasa di sekolah tadi, Cikgu Fazli menasihati kami agar menjaga alam sekitar.

Tahu, ayah. Jika alam sekitar bersih, kita dapat hidup sejahtera.



Betul kata Cikgu Fazli. Semua orang mesti menjaga alam sekitar. Tahukah Elis mengapa?

Apakah sumber alam yang perlu kita jaga, Elis?

Bagaimanakah kita menjaga sumber itu?



Aktiviti

Memberikan respons terhadap soalan bercapah.

Nota Guru



- Bimbing murid mendengar dengan berkesan untuk membuat tafsiran.

Strategi: KB – Membuat inferens
EMK: Nilai Murni – Rasional

Pembelajaran Kontekstual – Menghubungkaitkan

1.1.3 (i)
BA2: 31





Membaca

Jadikan Amalan



Pergi ke pekan membeli lada,
Lada ditimbang berat sekali;
Air digunakan berpada-pada,
Jangan dibuang sesuka hati.



Pasang pelita di tepi tangga,
Nampak menarik Cahaya terang;
Marilah kita jimatkan tenaga,
Bil elektrik dapat dikurang.



Mari mencari buah keranji,
Buah berangan juga bidara;
Berkongsi kereta amalan terpuji,
Dapat hindari pencemaran udara.



Pokok pegaga daunnya banyak,
Tanam selasih di bawah para;
Jimatkan tenaga, air dan minyak,
Alam bersih masyarakat sejahtera.



Aktiviti

Mempersembahkan pantun dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.



Menulis

Amalan Bijak

Petang itu, Elis dan ibunya ke pasar raya. Sebelum masuk ke pasar raya, Elis dan ibunya menuju ke pusat kitar semula.



Elis mengeluarkan semua barang yang dibawanya. Antara barang tersebut ialah surat khabar, bekas plastik dan botol kaca. Elis mengeluarkan semua barang itu dengan berhati-hati.



Elis memasukkan surat khabar ke dalam . Selepas itu, dia memasukkan ke dalam tong berwarna jingga. Kemudian, Elis memasukkan .



- kaunter bayaran
- beg mesra alam
- ganti beg plastik

Info Tong Kitar Semula

Tong biru untuk kertas seperti buku, surat khabar dan majalah.

Tong coklat untuk barangan kaca seperti botol kaca, balang makanan dan botol ubat.

Tong jingga untuk tin aluminium dan plastik seperti tin minuman, beg plastik, botol air mineral dan bekas makanan.



Aktiviti

Membina dan menulis perenggan.



Nota Guru

- Bimbing murid membina perenggan berdasarkan frasa dan gambar.

Strategi: KB – Menjanakan idea
EMK: Nilai Murni – Kasih sayang

Pembelajaran Konstruktivisme –
Mengembangkan idea

3.2.1 (iv)
BA2: 33



Seni Bahasa

Sayangku pada Alam

Sayangku pada alam
Telah kubuktikan
Jimatkan air
Jimatkan elektrik.

Sayangku pada alam
Telah kubuktikan
Guna dan kitar semula 
Demi menyelamatkan pokok.

Sayangku pada alam
Telah kubuktikan
Menggunakan  mesra alam
Sebagai pengganti plastik.

Sayangku pada alam
Telah kubuktikan
Hiaskan  di sekitar
Suasana nyaman dan segar.

Nukilan: Mashudi Bahari



Aktiviti

Melengkapkan sajak dan mempersembahkannya secara kreatif.



Nota Guru



- Bimbing murid melengkapkan sajak berpadukan gambar.

Strategi: KB – Menjanakan idea
EMK: Nilai Murni – Kesyukuran

BCB: Bacaan luncur

4.3.1 (ii)
BA2: 34



Pola Ayat

Mural Penutup Botol



Elis dan rakan-rakannya ke sekolah. Mereka membantu Cikgu Munirah. Mereka hendak menyiapkan mural penutup botol. Mereka sangat teruja.

Cikgu Munirah guru Pendidikan Seni. Beliau menggunakan penutup botol untuk menghiasi dinding kantin.

Frasa Nama (FN)	Frasa Nama (FN)
Cikgu Munirah	guru Pendidikan Seni.
Frasa Nama (FN)	Frasa Kerja (FK)
Mereka	membantu Cikgu Munirah.
Frasa Nama (FN)	Frasa Adjektif (FA)
Mereka	sangat teruja.
Frasa Nama (FN)	Frasa Sendi Nama (FS)
Elis dan rakan-rakannya	ke sekolah.



Aktiviti

Membina ayat mengikut pola ayat.

Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti pola ayat dan membina ayat mengikut pola yang betul berdasarkan frasa.



Strategi: KB – Menjanakan idea

EMK: Nilai Murni – Kerjasama

Pembelajaran Konstruktivisme – Mengembangkan idea

5.3.1 (i)
BA2: 35






Ayat Penyata

Bilik Darjah Mesra Alam

Sekolah Elis telah mengadakan projek landskap mesra alam di dalam bilik darjah.

“Tolong bawa pokok bunga dari rumah,” kata Cikgu Hanum kepada Elis dan rakan-rakannya. “Bawa juga barang-barang kitar semula. Kita akan mewujudkan landskap yang paling cantik,” kata Cikgu Hanum untuk memberikan semangat kepada anak-anak muridnya.



- Elis membawa pokok bunga ke sekolah.
- Pokok bunga itu ditanam di dalam botol.
- Komala pula membawa pokok bunga di dalam pasu.
- Mereka membawa pokok bunga itu ke sudut belakang bilik darjah.
- Mereka **menyusun pokok bunga** di satu sudut.
- Di sudut yang lain, mereka menyusun tiga buah kotak.
- .
- .



Aktiviti

Membina ayat penyata berdasarkan bahan.

Info Bahasa

Ayat **penyata** ialah ayat yang digunakan untuk menyatakan sesuatu atau memberikan keterangan tentang sesuatu perkara. Contoh: *Dia memakai baju berwarna biru.*



Mesrai Alam

**Unit
18**



Mendengar dan Bertutur

Jimatkan Petrol

Elis, minta abang keluarkan barang-barang dari kereta.

Apabila barang banyak, kereta menjadi berat. Kereta yang berat memerlukan lebih banyak petrol. Banyak asap akan dilepaskan ke udara dan udara akan menjadi kotor. Oh, ya! Nanti minta abang masukkan barang-barang itu ke dalam bilik stor.



Baiklah, ayah. Saya akan memberitahu abang. Ayah, mengapakah barang-barang itu hendak dikeluarkan?



Abang, ayah berpesan ...

Tahu, abang ...
Oh, ya! Ayah juga berpesan ...



Baiklah, Elis. Tahukah kamu mengapa ayah tidak suka keretanya menjadi berat?

...



Aktiviti

Memberikan respons dengan membuat tafsiran terhadap pesanan.

Nota Guru

- Bimbing murid memahami bahan untuk membuat tafsiran.

AT: Lakukan simulasi

Strategi: KB – Menghubungkaitkan

EMK: Nilai Murni – Amanah



KP: Interpersonal

1.1.3 (ii)
BA2: 37



Membaca

Gunakan Air Secara Berhemat



Yang saya hormati Guru Besar Sekolah Kebangsaan Taman Rasa Indah, guru-guru dan hadirin sekalian. Tajuk syarahan saya pada hari ini ialah "Gunakan Air Secara Berhemat". Hadirin sekalian.

Kita perlu menggunakan air secara cermat. Jika tidak, sumber air akan semakin kurang. Kekurangan air akan menyebabkan suhu atau cuaca menjadi panas.

Terdapat beberapa cara untuk menjimatkan penggunaan air. Pertama, kurangkan masa mandi. Banyak air akan terbuang sekiranya kita mandi lama-lama.

Kedua, letakkan baldi berhampiran dengan pancuran ketika kita mandi. Air yang ditadah boleh digunakan untuk membersihkan tandas atau menyiram pokok bunga.

Ketiga, elakkan membuka pili dan membiarkan air mengalir berterusan ketika membasuh muka atau menggosok gigi. Sebaliknya, gunakanlah air yang ditadah di dalam bekas.

Kesimpulannya, gunakanlah air secara berhemat. Penggunaan air yang berhemat akan mengelakkan pembaziran.

Sekian, terima kasih.



Aktiviti

Mempersembahkan petikan bukan sastera dengan gaya yang menarik.



Nota Guru

- Minta murid membaca teks dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.

Strategi: KB – Menghubungkaitkan
EMK: Nilai Murni – Rasional

BCB: Bacaan imbasan

2.3.2 (iv)
BA2: 38–39





Menulis

Amalan Hijau dalam Kehidupan

Keluarga Elis mengamalkan beberapa amalan hijau dalam kehidupan mereka.

Ibu Elis menggunakan peralatan elektrik cekap tenaga di dapur.

menjimatkan penggunaan tenaga elektrik

Abang sepupu Elis menaiki kenderaan awam ke tempat kerja.

mengurangkan pencemaran alam kerana kurang asap kenderaan

Pak cik Elis menggunakan baja kompos di kebunnya.

mengurangkan penggunaan bahan kimia

Jawab soalan yang berikut.

1. Apakah yang diamalkan oleh keluarga Elis?
2. Mengapa ibu Elis menggunakan peralatan elektrik cekap tenaga?
3. Setujukah kamu bahawa amalan keluarga Elis dapat mewujudkan alam yang mesra? Mengapa?
4. Jelaskan amalan hijau yang kamu amalkan.



Aktiviti

Menulis jawapan pemahaman berdasarkan soalan bertumpu dan soalan bercapah.

Nota Guru

- Bimbing murid memahami bahan.

Strategi: KB – Mensintesikan
EMK: Nilai Murni – Tanggungjawab terhadap alam sekitar



Pembelajaran Kontekstual –
Menghubungkaitkan

3.2.2
(i) & (ii)
BA2: 40–42



Ayat Tanya dengan Kata Tanya

Jimatkan Elektrik

Peti sejuk ini kepunyaan **siapa**?
Simpan makanan apabila sejuk.

Peti sejuk ini kepunyaan keluarga Elis.
Makanan disimpan di dalam peti sejuk **bila**?

Cabutkan plag dan matikan suis apabila meninggalkan rumah untuk tempoh yang lama.
apa

Letakkan makanan di dalam bekas yang bertutup sebelum disimpan.
bagaimana

Gunakan saya dengan cermatnya dan bijaknya.
Penggunaan yang bijak akan menjimatkan elektrik.
mengapa

Pintu saya tidak boleh dibuka dengan kerapnya. Banyak tenaga elektrik akan digunakan untuk mengawal suhu badan saya.
mengapa

Letakkan saya jauh dari dapur gas dan jarakkan saya dari dinding.
di mana

Info Bahasa

Ayat tanya dengan kata tanya ialah ayat yang mengandungi kata tanya seperti *mengapa*, *bagaimana*, *bila*, *berapa* dan *kenapa*. Contoh:
Mengapakah kamu berdiri?
Cara merebus ikan bagaimana?
Kamu tiba dari Labuan bila?
Harga ayam itu berapa?
Awak datang lambat kenapa?



Aktiviti

Membina ayat tanya dengan kata tanya mengikut konteks.



Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti ayat tanya dengan kata tanya.

Strategi: KB – Mencirikan
EMK: Nilai Murni – Rasional

Pembelajaran Konstruktivisme –
Menerangkan dan menjelaskan idea





Pengayaan

- A. Betulkan kesalahan penggunaan kata yang dicetak berwarna dalam petikan di bawah.

Pokok dalam Kehidupan



Pokok di sekeliling kita mempunyai pelbagai kegunaan. Pokok berguna kepada manusia, haiwan dan alam sekitar.

Gas oksigen dilepaskan oleh pokok ke **alam**. Oksigen penting kepada manusia dan haiwan. Manusia dan haiwan memerlukan oksigen untuk **menghidu**.

Pokok menjadi habitat atau tempat tinggal pelbagai **bentuk** haiwan seperti burung, tupai dan monyet. Selain itu, pokok-pokok juga menjadi **alat** makanan kepada sesetengah haiwan.

Ketika cuaca **hujan**, pokok dapat meredupkan dan menyamankan suasana. Dedaun pokok yang besar bertindak sebagai pelindung sinaran matahari.

Oleh itu, orang ramai digalakkan untuk **mencucuk** pokok di sekitar rumah masing-masing.

- B. Bina ayat penyata dengan perkataan yang telah dibetulkan.



Penilaian

A. Dengar dan berikan respons.



Elis, tema Minggu Alam Sekitar sekolah kita ialah “Alam Kita Tanggungjawab Kita.”



Apakah yang boleh dilakukan untuk menjaga alam kita?

Apakah maksud tema itu, Alina?



MINGGU ALAM SEKITAR SEKOLAH KEBANGSAAN SERI IDAMAN **ALAM KITA TANGGUNGJAWAB KITA**

- Jaga kebersihan alam sekitar
- Menanam pokok
- Kitar semula barang terpakai

B. Baca, fahami dan persembahkan cerita di bawah dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.

Lulu ialah raksasa yang mempunyai sebuah taman yang cantik. Di taman itu, terdapat banyak pokok bunga dan pokok buah.

Kanak-kanak suka bermain di situ. Lulu tidak suka. Dia membina tembok di keliling taman.

Semenjak itu, pokok bunga di taman itu semakin layu. Begitu juga dengan pokok buah-buahan yang tidak berbuah lagi.

Lulu berasa insaf. Dia sedar bahawa tamannya memerlukan kehadiran orang ramai untuk kekal cantik.

Dia pun merobohkan tembok di keliling taman dan membenarkan kanak-kanak bermain di situ. Akhirnya, taman itu menjadi indah semula.



Pengukuhan

Baca dan fahami teks, kemudian jawab soalan di bawah.

Budaya Sekolah Elis

Waktu rehat sudah tamat. Elis dan rakan-rakannya segera ke halaman di luar bilik darjah masing-masing. Mereka hendak mengutip sampah sarap.

Aktiviti membersihkan halaman luar bilik darjah selepas waktu rehat sudah menjadi budaya di sekolah Elis. Mereka tidak pernah bersungut ketika berbuat demikian. Mereka berlumba-lumba untuk memastikan kawasan bilik darjah masing-masing adalah paling bersih.

Apabila kawasan sekolah bersih, mereka dapat belajar dengan selesanya. Oleh itu, mereka akan berasa tenang dan dapat menumpukan perhatian terhadap pelajaran.

1. Yang segera ke halaman di luar bilik darjah siapa?
2. Mereka berbuat demikian bila?
3. Apakah yang dilakukan oleh mereka?
4. Mengapakah mereka tidak bersungut ketika berbuat demikian? 🧠
5. Bagaimanakah kamu dan rakan-rakan menjaga kebersihan kawasan sekolah kamu? 🧠





Bacaan Luas

Baca dan fahami teks.

Pembungkusan Hijau

Pembungkusan hijau ialah cara membungkus makanan dengan bahan semula jadi. Bahan yang sering digunakan ialah daun-daun tumbuhan, kayu dan buluh.



Pembungkusan hijau harus dijadikan amalan. Pembungkusan jenis ini lebih kecil dan ringan berbanding dengan pembungkusan menggunakan plastik atau polistirena. Bahan yang digunakan juga murah dan mudah diperoleh. Oleh itu, kos pembungkusan menjadi lebih jimat.

Khasiat makanan yang dibungkus dengan bahan semula jadi juga terpelihara. Hal ini dikatakan demikian kerana bahan pembungkusan itu tidak mengandungi sebarang bahan kimia berbahaya. Malah, pembungkusan hijau tidak mencemarkan alam. Bahan semula jadi yang digunakan mudah reput dan dapat diurai menjadi kompos.



Oleh itu, marilah kita beralih kepada pembungkusan hijau. Langkah ini dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar. Kesihatan orang ramai juga terjaga.

(Sumber: diubah suai daripada noor.hayati_mokhtar@sirim.my)



TEMA
7

PERTANIAN DAN PENTERNAKAN

jabatan pertanian

Internet

PERTANIAN
DAN
PENTERNAKAN

surat khabar

guru



Aktiviti

Bercerita berdasarkan peta bulatan.



Hargailah Pokok

19

Mendengar dan Bertutur Amboi, Cantiknya!



Seok Ling: Selamat petang, Hasan.

Hasan: Selamat petang.

Seok Ling: Wah, cantiknya kawasan rumah kamu! Siapakah yang menanam pokok-pokok ini?

Hasan: Semua ini ditanam oleh keluarga saya sendiri.

Seok Ling: Hasan, tolong jelaskan cara kamu mencantikkan kawasan ini.

Hasan: Saya dan abang saya menanam ...; manakala ibu dan kakak menanam

Seok Ling: Benih pokok di situ untuk apa?

Hasan:

Seok Ling: Kamu bijak, Hasan. Terima kasih atas maklumat tentang pokok-pokok itu.

Hasan: Sama-sama.



Aktiviti

Menjelaskan sesuatu perkara secara bertatasusila.



Nota Guru



- Bimbing murid memahami gambar untuk mencari maklumat.

Strategi: KB – Meramalkan

EMK: Nilai Murni – Menghargai alam

BCB: Kajian Masa Depan –
Mencipta (menjana)

44

1.2.1
BA2: 45–46



Membaca

Mudahnya Halau Serangga

Ayah Hasan, iaitu Encik Mahzan, telah menyemai dan menanam banyak pokok paku gunung di kawasan rumahnya. Pokok-pokok itu untuk dijual. Pokok itu mendapat **permintaan** yang tinggi daripada peminat pokok paku pakis.

Pokok itu **tumbuh** subur. Malangnya, daun pokok itu **diserang** ulat.

Encik Mahzan telah mendapat maklumat daripada **Internet** tentang cara menghapuskan ulat dengan mudahnya. Beliau tidak perlu menggunakan **racun**.

Encik Mahzan menapis air **basuhan** cili kering di dapur rumahnya. Selepas itu, beliau memasukkan air itu ke dalam botol **penyembur**.

Encik Mahzan menyembur daun-daun muda pada pokok paku gunungnya. Ulat tidak berani makan daun pokok itu lagi. Pokok itu **subur** dan **menghijau** kembali. Banyak orang membeli pokok paku gunung Encik Mahzan.



Kosa Kata	Maksud
tumbuh _____.	hidup _____.



Aktiviti

Mengenal pasti kosa kata.

Nota Guru

- Bimbing murid memahami kosa kata yang diwarnakan dan mencari maksud.



Strategi: KB – Menghubungkaitkan
EMK: Nilai Murni – Kerjiran

Pembelajaran Akses Kendiri –
Memahami (menjelaskan)

2.2.1 (i)
BA2: 47





Menulis

Bucida yang Cantik

Aidil suka melihat pokok Bucida. Dia ingin menanam pokok ini di hadapan rumahnya. Dia mencari maklumat tentang pokok Bucida dalam Internet.

Terdapat dua jenis pokok Bucida, iaitu yang berdaun hijau dan yang berdaun putih. Saiz daunnya kecil. Dahan pokok Bucida bertingkat-tingkat.

Pokok ini mudah ditanam kerana tidak memerlukan penjagaan yang rapi. Oleh itu, pokok ini banyak ditanam di pinggir jalan, di taman dan di halaman rumah.

Pokok Bucida mempunyai akar yang kuat. Pokok ini dapat menahan tiupan angin yang kencang. Selain itu, orang ramai dapat berteduh di bawah pokok ini selepas penat bermain atau beriadah.



Aktiviti

Mencatat maklumat.



Nota Guru



- Bimbang murid mencari maklumat daripada bahan.

Strategi: KB – Mengumpulkan dan menjelaskan
EMK: Nilai Murni – Menyayangi alam sekitar

BCB: Mencatat nota –
Menganalisis
(mengkategorikan)

3.2.3
BA2: 48–49



Seni Bahasa

Sang Pokok Kembali Ceria

Di sebuah ladang, kelihatan Sang Pokok dan rakan-rakannya sedang bersedih. Pohon mereka kurus dan daun mereka kekuningan.

“Aduhai, malang sungguh nasib kami tumbuh di sini!”
Sang Pokok dan rakan-rakannya bersuara sedih.

Tidak lama kemudian, datang Sang Cacing ke perdu Sang Pokok.

“Hai, Sang Pokok! Mengapakah kamu dan rakan-rakan bersedih?”

“Kami sakit. Tempat tinggal kami kering dan tidak subur,” jawab Sang Tanah.

“Oh, begitu! Izinkan aku dan keluargaku tinggal di kawasan perdu kamu,” kata Sang Cacing. Sang Pokok dan rakan-rakannya bersetuju.

Sejak hari itu, Sang Cacing dan keluarganya telah menggembur tanah dan memberikan baja kepada Sang Pokok. Selain itu, Sang Cacing juga menggali tanah sehingga dapat menambah udara yang masuk ke dalam tanah.

Sang Pokok dan rakan-rakannya kembali subur dan berbuah lebat. Mereka tersenyum riang dan mengucapkan terima kasih kepada Sang Cacing. Sejak hari itu, mereka menjadi sahabat sejati.



Aktiviti

Mempersembahkan cerita.



Nota Guru


- Bimbing murid membaca dan memahami cerita.

AT: Murid memberikan markah dalam bentuk bintang kepada pencerita.

Strategi: KB – Membuat kesimpulan

EMK: Nilai Murni – Saling membantu

KP: Verbal-linguistik



4.3.2 (i)
BA2: 50





Ayat Perintah

Harumnya Daun Kesum

Ayah: Hasan, tolong ambil botol plastik yang dipotong itu.

Hasan: Baiklah, ayah. Saya akan mengambil botol plastik itu.

Ayah: Sila masukkan tanah ke dalam botol itu.

Hasan: Baiklah, ayah. Botol itu akan ditanam pokok apa?

Ayah: Harap kamu dapat menanam pokok kesum di dalam botol itu.

Hasan: Baiklah, ayah. Selepas itu, apakah yang perlu saya buat?

Ayah: Tolong siram _____.


Hasan: Saya akan menyirami pokok kesum itu setiap petang.

Ayah: Harap kamu _____.

Hasan: Baiklah, ayah. Saya akan memetik daun kesum itu.

Ayah: _____.

Hasan: Baiklah, ayah. Saya akan memberikan daun kesum itu kepada jiran.



Aktiviti

Menggunakan ayat perintah untuk melengkapkan dialog.

Info Bahasa

Ayat perintah ialah ayat yang diucapkan dengan tujuan memberikan arahan, larangan, ajakan atau menyampaikan permintaan.



Nota Guru



- Bimbing murid memahami ayat perintah dengan berpandukan gambar.

Strategi: KB – Menjanakan idea
EMK: Nilai Murni – Kerajinan

Pembelajaran Konstruktivisme –
Menerangkan

5.3.1 (iv)
BA2: 51–52



Ternakan yang Berfaedah



Mendengar dan Bertutur

Ternakan Ayam Hutan



tidur di atas pokok

biji-bijian

cantik

harga mahal

(Sumber: www.uniaga.com)

Idris: Selamat pagi, Hasan. Mengapakah ayam hutan suka akan kawasan yang banyak pokok?

Hasan: ... 🧠

Idris: Apakah makanan ayam hutan yang diternak?

Hasan: ...

Idris: Tolong jelaskan keistimewaan ayam hutan.

Hasan: ... Kamu tahu atau tidak? Saya menolong datuk saya menjual ayam hutan kepada penggemar ayam ini.

Idris: Saya tahu. Komala telah memberitahu saya. Mengapakah harga ayam hutan lebih mahal daripada harga ayam biasa?

Hasan: ... 🧠



Aktiviti

Info

Biji-bijian ialah segala buah yang berbutir kecil-kecil seperti padi, gandum, jagung dan lain-lain.

Menjelaskan maklumat yang tersurat dan tersirat.



Nota Guru

- Bimbing murid memahami bahan.

Strategi: KB – Merumuskan
EMK: Nilai Murni – Kegigihan

BCB: Bacaan intensif
: Menilai (memberikan alasan)





Membaca

Kolam Ikan dan Hasilnya

Aidil dan bapanya berhasrat untuk menternak ikan tilapia di dalam sangkar di sebatang sungai.



Mereka mencari kawasan sungai yang agak dalam, airnya bersih dan sentiasa mengalir.

Selepas itu, bapanya membeli sangkar yang diperbuat daripada besi. Bapa Aidil meminta beberapa orang pekerja masukkan sangkar itu ke dalam sungai.

Aidil dan bapanya melepaskan benih ikan pada waktu pagi. Mereka melepaskan sebanyak 500 ekor benih ikan tilapia ke dalam sangkar.

Pada setiap hari, Aidil membantu bapanya memberikan ternakan ikannya makan pelet dan makanan lain yang telah diproses. Selepas beberapa bulan, ikan-ikan itu sudah boleh dipasarkan. Ikan-ikan itu dijual kepada peraih.

Isi Tersurat	Isi Tersirat
Perenggan 1 ... mencari kawasan sungai yang agak dalam, airnya bersih dan sentiasa mengalir.	Memastikan bekalan oksigen yang cukup dan mengeluarkan bahan buangan dari dalam sangkar secara semula jadi.
Perenggan 2 ... membeli sangkar yang diperbuat daripada besi	...
Perenggan 3
Perenggan 4



Aktiviti

Mengenal pasti isi tersurat dan isi tersirat.



Nota Guru

- Bimbing murid memahami teks.

Strategi: KB – Merumuskan
EMK: Nilai Murni – Kerajinan

BCB: Bacaan luncuran dan imbasan
M: Menganalisis (mengenal pasti)



Menulis

Pelet Kambing

Hasan **pergi** ke rumah datuk Komala. Dia melihat banyak **kambing tempatan**. Kambing itu **di dalam kandang**.

Pada setiap awal pagi, kambing itu dilepaskan. Kambing meragut rumput di kawasan ladang kelapa sawit.

Pada pukul 8:30 pagi, datuk Komala mencuci kandang kambingnya. Dia membersihkan kandang itu supaya tiada najis kambing.

Pada waktu petang, datuk Komala akan ke ladang kelapa sawit berdekatan rumahnya. Dia akan menghalau kambingnya pulang ke kandang.

Selepas itu, datuk Komala memasukkan pelet ke dalam bekas khas. Kambing-kambing memakan pelet yang diproses daripada daun kelapa sawit.

Kambing-kambing itu akan dijual oleh datuk Komala apabila telah matang.



kandang kambing



kambing meragut rumput



pelet




Aktiviti

Menulis perkataan, frasa dan ayat yang diumlakukan.

Nota Guru

- Minta murid mengenal pasti perkataan, frasa dan ayat.

Strategi: KB – Mengecam Pembelajaran Kontekstual – Memindahkan
EMK: Nilai Murni – Kegigihan



3.2.4
(i), (ii) & (iii)
BA2: 56






Seni Bahasa

Sang Lembu dan Sang Kerbau

Sang Lembu melihat Sang Kerbau sedang menolong tuan mereka membajak sawah. Pada waktu tengah hari, Sang Lembu berbual dengan Sang Kerbau ...



Selepas musim menuai, tuan mereka memasang alat pada lembu untuk membawa padi ke kilang. Sang Lembu berjalan di hadapan Sang Kerbau sambil menunduk malu.



Sejak hari itu, Sang Lembu dan Sang Kerbau 🥰. 🌟



Aktiviti

Mempersembahkan cerita jenaka.



Nota Guru

- Minta murid membaca dan memahami cerita.

AT: Membuat penilaian.



52

Strategi: KB – Meramalkan

EMK: Nilai Murni – Tidak bersikap sombang

BCB: bacaan lucuran

BA2: Mencipta (meramalkan)

4.3.2 (ii)

BA2: 57



Ayat Dasar

Pak Cik Isa Penternak Ayam

Pak Cik Isa pesara. Beliau pesara tentera darat di Sarawak. Beliau ingin mengisi masa lapang di rumah. **Beliau membela ayam.** Beliau membuat reban.

1. Pak Cik Isa penternak ayam.
2. Beliau memakai sarung tangan.
3. Makanan ayam di dalam mangkuk.
4. Ayam Pak Cik Isa sangat lapar.



1. Ini Mak Cik Aminah.
2. Mak Cik Aminah menyusun .
3. Mak Cik Aminah .
4. Pembeli .



Aktiviti

Menggunakan ayat dasar mengikut konteks.



Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti ayat dasar berdasarkan bahan.
- Strategi: KB – Mencirikan
- EMK: Nilai Murni – Kesukuran

Pembelajaran Konstruktivisme
Mengembangkan idea
 : Mencipta (membina)

Info Bahasa

Ayat dasar ialah ayat yang menjadi dasar atau sumber bagi pembentukan semua ayat lain (rujuk halaman 33 – pola ayat).

5.3.2 (i)
BA2: 58



Ayat Tunggal

Ternakan Puyuh

Encik Johari menghadiri seminar ternakan puyuh di Sarawak. Beliau mendirikan reban di hujung kampung.



Beliau menjaga puyuhnya setiap hari. Julaihi ialah pembantu ayahnya pada waktu petang. Beliau memasang lampu di dalam reban.

Puyuh Encik Johari semakin banyak di dalam reban. Encik Johari mengira puyuh setiap petang.

Banyak telur puyuh di dalam reban. Julaihi mengutip telur puyuh setiap pagi.

Encik Johari menjual daging puyuh di pasar. Nenek _____.



Info Bahasa

Ayat tunggal ialah ayat yang mempunyai satu subjek dan satu predikat.

Contoh: Hani pergi ke pejabat pos.



Aktiviti

Menggunakan ayat tunggal mengikut konteks.

Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti ayat tunggal berdasarkan bahan.
- AT: Murid bercerita berpaduan gambar dengan menggunakan ayat tunggal.





Rajin dan Usaha Tangga Kejayaan



Mendengar dan Bertutur

Tokoh Penternakan



Sebab menternak

- permintaannya tinggi

Keistimewaan ayam organik

- bebas daripada bahan kimia

Pasaran

- hotel dan kedai makan

Hasan: Selamat pagi, Elis. Siapakah Dr. Mohamad Zainol?

Elis: **Selamat pagi, Hasan. Dr. Mohamad Zainol ialah tokoh penternak ayam kampung organik.**

Hasan: Elis, Mengapakah beliau menternak ayam itu?

Elis: **Beliau menternak ayam itu kerana permintaannya tinggi dan banyak orang suka akan ayam kampung.**

Hasan: Apakah keistimewaan ayam kampung organik?

Elis: **...**

Hasan: Oh, begitu! Elis, ke manakah ayam itu dipasarkan?

Elis: **...**

Hasan: Adakah ayam kampung organik ini baik untuk kesihatan. Mengapa?

Elis: **...**

Hasan: Baru saya faham. Terima kasih, Elis.



Aktiviti

Memberikan respons terhadap soalan bercapah.



Nota Guru

- Murid mendengar dan memberikan respons.
- Murid membuat simulasi berdasarkan bahan di atas.

Strategi: KB – Merumuskan

EMK: Nilai Murni – Menjaga kesihatan

KP: Verbal-Linguistik



1.1.3 (i)
BA2: 61





Membaca

Rumput Napier

Ayah Kok Bun termenung apabila melihat tanahnya yang terbiar di hujung kampung. Beliau ingin mengusahakan tanah tersebut.

Kok Bun telah memberikan idea kepada ayahnya. Idea itu amat bernalas sekali. Bapa Kok Bun bersetuju.

Mereka menanam rumput Napier. Rumput ini amat sesuai untuk ternakan seperti kambing, lembu dan ayam belanda. Rumput Napier digemari ternakan kerana mengandungi air yang banyak dan teksturnya lembut. Rumput ini mendapat permintaan yang tinggi.

Rumput Napier cepat membesar dan berprotein tinggi. Rumput ini boleh dituai selepas 30 hari ditanam. Keluarga Kok Bun menjual rumput ini kepada pelanggan. Mereka berjaya untuk menjual sebanyak 1000 kilogram batang dan 3000 kilogram daun rumput Napier setiap bulan. Pendapatan mereka mencecah sehingga RM2300.00 sebulan.

Ayah Kok Bun telah mengajak penduduk kampung lain mengusahakan tanaman rumput Napier. Mereka bekerjasama. Kini, tiada lagi tanah terbiar di kampung tersebut.

Idea utama

Idea sampingan



Aktiviti

Mengenal pasti idea utama dan idea sampingan.

Nota Guru

- Bimbing murid memahami teks.
- Murid menyatakan idea utama dan idea sampingan dari perenggan dua hingga perenggan akhir.





Menulis

Bahan Buangan yang Berharga

Julaihi dan ayahnya melihat banyak bulu ayam yang dibuang di pasar. Mereka bercadang untuk menjadikan bulu ayam sebagai sumber pendapatan sampingan.

Julaihi dan ayahnya mengumpulkan .



Bulu ayam itu dimasukkan ke dalam .




Selepas itu, mereka  bulu ayam itu.



Setelah kering, mereka memilih bulu ayam yang cantik sahaja.

Bapa Julaihi melekatkan bulu ayam itu pada batang .



. Dia juga mengikat bulu ayam itu dengan tali yang bergam. Julaihi membantu ayahnya.

Setelah siap, Julaihi menyangkut rotan bulu ayam itu di gerai mereka. Rotan bulu ayam dibeli oleh orang ramai

untuk .



Aktiviti

Menghasilkan penulisan naratif secara separa terkawal.

Nota Guru

- Bimbing murid melengkapkan cerita berdasarkan gambar.

Strategi: KB – Membuat gambaran mental Pembelajaran Konstruktivisme –
EMK: Nilai Murni – Kesukuran Menghubungkaitkan



3.3.1(i)
BA2: 64–65



Ayat Majmuk

Menternak Kerbau

Pekerja itu memakai sarung tangan.
Tangan pekerja itu tidak cedera.

Pekerja itu memakai sarung tangan supaya tangannya tidak cedera.



supaya

Pekerja itu menukul tiang pagar.
Pekerja itu menggunakan penukul.



dengan

Bapa Hasan mengumpulkan kerbau.
Bapa Hasan menarik kerbau tersebut ke dalam kandang.



lalu

Bapa Hasan berjumpa peraih.
Bapa Hasan menjual kerbau.



untuk

Bapa Hasan ke bank.
Bapa Hasan hendak menyimpan wang.



kerana



Aktiviti

Membina ayat majmuk berdasarkan gambar.



58



Nota Guru

- Bimbing murid membina ayat majmuk berdasarkan gambar.

Strategi: KB – Menjanakan idea

EMK: Nilai Murni – Kerajinan

Pembelajaran Kontekstual –

Menghubungkaitkan

5.3.2 (iii)

BA2: 66-67



Kata Kerja Aktif Transitif

Tapak Semaian Pak Long

Pak Long Hasan mengusahakan tapak semaian. Pada masa lapang, Hasan membantu Pak Longnya.



memasukkan Hasan memasukkan tanah ke dalam beg plastik.



menyemai _____.



menyusun _____.



mengasingkan _____.



memilih _____.



menjual _____.



Aktiviti

Menggunakan kata kerja aktif transitif untuk membina ayat.

Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti kata kerja aktif transitif berdasarkan gambar.



Strategi: KB – Menjanakan idea

EMK: Nilai Murni – Keberanian

KP: Interpersonal

5.1.2 (i)
BA2: 68





Ayat Tunggal dan Ayat Majmuk

Kolam Ikan Sepat



dan



lalu



untuk

1. Kok Bun melepaskan ikan sepat ke dalam kolam.
2. Kok Bun dan ayahnya menabur makanan ikan di tepi kolam pada waktu petang.
3. _____.
4. _____.
5. _____.
6. _____.



Aktiviti

Membina ayat tunggal dan ayat majmuk berdasarkan gambar.



Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti ayat tunggal dan ayat majmuk berdasarkan gambar.



60

Strategi: KB – Menjanakan idea
EMK: Nilai Murni – Kerajinan


Pembelajaran Kontekstual –
: Mengaplikasi (membina)

5.3.2
(ii) & (iii)



Pemulihan

Bina ayat tunggal.



petani



mengorek



lubang

1. Petani mengorek lubang.



petani





menanam



pokok

2. Petani _____.




3. _____.



Pengayaan

Bina ayat tunggal dan ayat majmuk berdasarkan gambar mengikut urutan nombor.



Pada suatu hari, Hasan dan ayahnya bersiar-siar di sekitar kawasan kampung. Dia berasa gembira di situ. Dia dapat melihat itik-itik di tempat itu. Pak Abu membela ...!.

Apakah yang boleh dibuat oleh Pak Abu dengan wang hasil jualan telur itik tersebut? Berikan cadangan.





**TEMA
8 INTEGRITI**



Aktiviti

Bersoal jawab berdasarkan gambar.



Anak yang Baik

22



Mendengar dan Bertutur Cerita Dino

Hai, kawan-kawan! Nama saya Dino. Saya anak bongsu dalam keluarga tetapi saya tidak manja.

Ibu dan ayah mahu saya menjadi anak yang berjaya. Oleh itu, saya akan belajar bersungguh-sungguh supaya berjaya dalam pelajaran. Ibu serta ayah pasti berbangga akan saya.

Saya membuat kerja-kerja rumah tanpa disuruh oleh sesiapa. Setiap pagi, saya mengemas katil sendiri kerana tidak mahu menyusahkan ibu. Saya juga membasuh pinggan mangkuk selepas bersarapan, makan tengah hari atau makan malam.

Saya sayang akan semua anggota keluarga saya. Saya sayang akan ibu, ayah, abang, kakak dan adik.



Murid-murid, dengar dan ulang cerita Dino tentang dirinya.

Cikgu harap kamu semua ikut teladan Dino.



Baik, cikgu.



Aktiviti

Mendengar, mengecam dan menyebut ayat majmuk.



Nota Guru



- Bimbing murid mengenal pasti dan menyebut ayat majmuk yang didengari.

Strategi: KB – Mengecam
EMK: Nilai Murni – Kerajinan

64

Pembelajaran Kontekstual –
Menghubungkan kaitkan

1.1.1 (iii)
BA2: 69



Membaca

Gigih demi Kejayaan

15 November 20□□

- Saya sungguh gembira. Saya memenangi pingat emas untuk acara lumba lari 80 meter. Saya telah membanggakan ibu dan ayah.
- Saya gagal mendapat pingat pada tahun lepas. Ibulah yang memujuk saya. Kata ibu, saya perlu berusaha jika hendak berjaya.
- Ibulah yang melatih saya pada setiap petang. Terima kasih ibu kerana meluangkan masa untuk saya.
- Kini, saya telah membuktikan kebenaran kata-kata ibu. Usaha yang gigih akan membawa kejayaan.
- Azam saya adalah untuk menjadi johan peringkat daerah pada tahun hadapan. Saya perlu meningkatkan usaha mulai hari ini.



Aktiviti

Menyatakan idea keseluruhan berdasarkan bahan.

Nota Guru

- Bimbing murid memahami dan menaakul bahan.

Strategi: KB – Menaakul

EMK: Nilai Murni – Tanggungjawab terhadap diri sendiri

BCB: Bacaan Intensif

2.2.1 (vi)
BA2: 70-71





Menulis

Elis yang Jujur

Elis ke pasar raya dengan ibunya. Ibu memberi Elis RM10.00 untuk berbelanja.

Elis pergi ke bahagian alat tulis. Dia membeli dua buah buku latihan dengan harga RM1.20. Dia juga membeli dua batang pensel. Harga pensel itu ialah RM1.00.

Kemudian, Elis menggunakan baki wang untuk membeli sebungkus biskut dan sekotak susu coklat. Dia membayar RM5.70 untuk kedua-dua barang itu.

Semasa menaiki kereta untuk pulang ke rumah, Elis menghulurkan baki wang kepada ibunya.

Perkara	Wang Masuk	Wang Keluar
Wang pemberian ibu	RM10.00	–
	–	RM1.20
	–	RM1.00
Biskut (1 bungkus)	–	RM3.50
	–	RM2.20
Baki	–	RM2.10
Jumlah	RM10.00	RM10.00



Aktiviti

Mencatat maklumat.





Seni Bahasa



Pesan Ibu Ayah

Tanya pada ibu
Apa sikap baik
Nanti jawab ibu
Sikap yang ikhlas.

Tanya pada ayah
Ikhlas pada siapa
Nanti jawab ayah
Pada semua.

Dengar pesan ibu
Patuh kata ayah
Amalkan selalu
Sikap terpuji.

Ibu serta ayah
Sayang akan saya
Pesan ibu ayah
Akan kuingat.

*Irama lagu
“Tanya Sama Pokok”



Aktiviti

Menyanyi dan mempersembahkan lagu.



Nota Guru

- Minta murid menyanyi dan mempersembahkan lagu.

Strategi: KB – Menghubungkaitkan
EMK: Nilai Murni – Ikhlas

KP: Muzik

4.3.3 (i)
BA2: 74



IMBAS SAYA





Kata Majmuk

Sehari dalam Kehidupan Elis

Elis murid yang berdisiplin. Dia mengikut jadual harian yang ditetapkan oleh ibu bapanya.



Jam loceng menunjukkan pukul 6:00 pagi. Elis bangun daripada tidur dan menyiapkan diri untuk ke sekolah. Dia memakai baju seragam yang bersih dan kemasnya.

Elis mencium tangan ibu bapanya sebelum ke sekolah. Sampai di sekolah, dia terus ke bilik darjah dan bersiap sedia untuk menghadapi pelajaran pada hari tersebut.



- berehat di ruang tamu
- membaca buku cerita
- _____.

- kerja sekolah
- jadual waktu
- _____.



Aktiviti

Menggunakan kata majmuk untuk membina perenggan mengikut konteks.



Nota Guru



- Bimbing murid mengenal pasti kata majmuk yang terdapat dalam bahan.

Strategi: KB – Menjanakan idea
EMK: Nilai Murni – Berdisiplin

Pembelajaran Konstruktivisme –
Menerangkan dan menjelaskan idea baru

5.2.2
BA2: 75–76



Amalan Baik di Sekolah



Mendengar dan Bertutur

Minta Maaf, Cikgu



Aktiviti

Bertutur untuk menjelaskan sesuatu perkara secara bertatasusila.



Nota Guru

- Minta murid meneliti dan memahami bahan.

Strategi: KB – Menghubungkaitkan

EMK: Nilai Murni – Keberanian

KP: Interpersonal

1.2.1
BA2: 77–78





Membaca

Marilah Kawan-kawanku

Marilah kawan-kawanku semua
 Patuhilah peraturan sekolah
 Peraturan sekolah jangan kita abaikan
 Marilah kita patuhi bersama.

Nilai Murni: Mematuhi peraturan sekolah



Marilah kawan-kawanku semua
 Kita patuhi masa belajar
 Mesti tekun belajar dengar nasihat cikgu
 Janganlah kita leka dan lalai.

Nilai Murni: Tekun belajar



Marilah kawan-kawanku semua
 Berilah tumpuan kepada cikgu mengajar
 Usah mengganggu kawan-kawanmu di sebelah
 Jauhilah sikap yang tidak baik.

Nilai Murni: 🧐



Marilah kawan-kawanku semua
 Jagalah kemudahan di sekolah
 Kemudahan sekolah untuk kita gunakan
 Marilah kita jaga bersama.

Nilai Murni: 🧐



*Irama lagu “ Kalau Rasa Gembira”



Aktiviti

Menyatakan nilai daripada lagu.



IMBAS SAYA



70

Nota Guru

- Bimbang murid mengenal pasti nilai yang terdapat dalam seni kata lagu.

AT: Nyatakan nilai baik yang diamalkan di sekolah kamu.

Strategi: KB – Mengenal pasti

EMK: Nilai Murni – Berdisiplin

- KP: Muzik dan Kinestetik



2.3.1 (i)
 BA2: 7q



Menulis

Menghargai Masa

Setiap aktiviti sekolah dijalankan mengikut masa. Oleh itu, murid-murid mahulah menepati masa yang ditetapkan.

Murid-murid mesti pergi segera ke sekolah. Mereka perlu membiasakan diri sedia sekurang-kurangnya 15 minit sebelum loceng berbising. Oleh itu, mereka akan lebih bersedia untuk menghadapi pengajaran.

Kerja sekolah yang diberikan oleh guru perlu disiapkan lekas. Kerja itu akan bertingkat sekiranya dilengah-lengahkan.

Murid-murid juga perlu memulangkan buku yang dipinjam dari perpustakaan mengikut tempoh. Hutang akan dikenakan sekiranya buku pinjaman lewat dipulangkan.

Sesungguhnya, semua kerja di sekolah dapat berjalan dengan cekapnya sekiranya murid-murid menepati masa. Oleh itu, tepati dan gunakan jam dengan baiknya.



Aktiviti

Mengedit dan memurnikan teks dari aspek penggunaan kata.

Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti dan mengedit penggunaan kata yang kurang tepat dalam teks.



Strategi: KB – Mengenal pasti
EMK: Nilai Murni – Menghargai masa

BCB: Bacaan imbasan dan luncuran

3.3.2 (iii)
BA2: 80

71



Seni Bahasa

Amal Sikap Terpuji

Hai, hai, kawan, amalkan sikap terpuji
Hai, hai, kawan, amalkan sikap terpuji
Hai, hai, kawan, amalkan sikap terpuji
Sikap yang baik amalkanlah selalu.

} 2 kali

Hormati cikgu hormati rakan
Barulah kita dihormati orang } 2 kali
Hai, hai, kawan, amalkan sikap terpuji
Hai, hai, kawan, amalkan sikap terpuji
Hai, hai, kawan, amalkan sikap terpuji.
(Ikut rangkap 1)

Amalkan sikap bekerjasama
Kerja yang sukar akan menjadi mudah } 2 kali
Hai, hai, kawan, amalkan sikap terpuji
Hai, hai, kawan, amalkan sikap terpuji
Hai, hai, kawan, amalkan sikap terpuji.

*Irama lagu “Jong Jong Inai”



Aktiviti

Menyanyi sambil bertepuk tangan mengikut rentak lagu.



Nota Guru



- Minta murid bernyanyi sambil bertepuk tangan.

Strategi: KB – Mengemam

EMK: Nilai Murni – Hemah tinggi

KP: Muzik dan Kinestetik



IMBAS SAYA


4.3.3 (ii)
BA2: 81



Kata Ganda

Menjaga Adab di Perpustakaan

Elis dan rakan-rakannya ke perpustakaan untuk mengulang kaji mata pelajaran Bahasa Melayu. Keadaan di dalam perpustakaan itu sunyi sepi. Semua murid tekun membaca buku. Mereka tidak berbual-bual walaupun tiada guru di situ.



Aktiviti

Bercerita berdasarkan gambar dengan menggunakan kata ganda mengikut konteks.

Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti kata ganda yang terdapat dalam bahan.



Strategi: KB – Mengenal pasti
EMK: Nilai Murni – Mematuhi peraturan

KP: Verbal-linguistik


5.2.3
BA2: 82



Ayat Penyata

Sifat Murid yang Baik

Cikgu Suraya berasal jawab dengan Elis dan rakan-rakannya di dalam kelas.



mengutip sampah

Murid-murid, apakah sifat-sifat baik yang perlu ada pada seseorang murid?



...



mematuhi peraturan



tidak meniru



...

- Murid yang baik akan sentiasa mematuhi peraturan sekolah.

- Dia tidak meniru jawapan kawan semasa peperiksaan berjalan.



Aktiviti

Membina ayat penyata.



Nota Guru



- Bimbing murid membina ayat penyata berdasarkan gambar dan frasa.

Strategi: KB – Menjanakan idea

EMK: Nilai Murni – Mematuhi peraturan

Pembelajaran Konstruktivisme –

Menyampaikan idea baharu dan menjelaskan idea



Berbuat Baik Selalu

24

Mendengar dan Bertutur



Hargailah Kemudahan

Elis dan keluarganya bercuti di Kota Kinabalu, Sabah. Mereka mendaftar masuk ke Hotel Gemilang.

Elis: Wah, selesanya bilik ini, ibu!

Puan Zaidah: Ya, Elis. Bersyukurlah kerana kita dapat bilik yang cantik dan kemas. Jadikan bilik ini seperti bilik kamu di rumah. Jagalah barang-barang di dalam bilik ini.

Elis: Saya faham, ibu. Barang-barang di dalam bilik ini untuk kegunaan dan kemudahan para pengunjung. Saya 😊.



HOTEL GEMILANG
Jalan Bunga Kertas
88200 Kota Kinabalu, Sabah.
Pelanggan yang dihormati,
Setiap hari, banyak air digunakan untuk membasuh tuala
yang hanya digunakan sekali.
Anda Boleh Membantu Kami dengan:

- Gantungkan tuala jika tuala itu hendak digunakan lagi.
- Letakkan tuala ke dalam bakul jika tuala itu hendak ditukar.

Terima kasih

Maklumat Tersurat	Maklumat Tersirat
Wah, selesanya bilik ini, ibu!	Elis berasa seronok kerana dapat menginap di bilik yang cantik dan kemas.
...	😊



Aktiviti

Bertutur dan menjelaskan maklumat yang tersurat dan tersirat.

Nota Guru

- Minta murid memahami bahan untuk menjelaskan maklumat dengan menggunakan idea yang kritis dan kreatif.



Strategi: KB – Menaakul
EMK: Nilai Murni – Berjimat-cermat

KP: Verbal-linguistik

1.2.2
BA2: 85





Membaca

Anugerah Murid Contoh

Elis bersama dengan keluarga ke rumah pak ciknya di Kuala Lumpur. Dia ternampak keratan buletin sekolah di bilik sepupunya.

BULETIN Keramat



Sekolah Kebangsaan Datok Keramat (1) Kuala Lumpur

Nur Qasrina Balqis binti Mohd. Nor Azlan telah dipilih sebagai Murid Contoh Tahap 1 Sekolah Kebangsaan Datok Keramat (1), Kuala Lumpur. Nur Qasrina Balqis, murid Tahun 2 Bestari, bukan sahaja cemerlang dalam pelajaran, malah mempunyai peribadi yang baik.

Guru menjadikan Nur Qasrina Balqis sebagai pembimbing kepada rakan-rakan di dalam bilik darjah. Nur Qasrina Balqis sering kali menghabiskan waktu rehat dengan membantu rakan-rakannya yang lemah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Matematik dan Sains.

Nur Qasrina Balqis juga ringan tulang membantu guru-guru di sekolah. Dia tidak keberatan membantu guru-guru melakukan kerja-kerja yang mudah. Dia akan membantu mereka membawa buku-buku latihan ke bilik guru.

Sikap Nur Qasrina Balqis yang suka membantu ini wajar dijadikan contoh oleh semua murid di Sekolah Kebangsaan Datok Keramat (1).

Elis berasa kagum akan sepupunya. Dia berazam hendak menjadi murid contoh seperti sepupunya itu.



Aktiviti

Membaca dan mempersembahkan karya bukan sastera dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.



Nota Guru

- Bimbang murid memahami dan mempersembahkan teks dengan gaya yang menarik.

Strategi: KB – Menghubungkaitkan
EMK: Nilai Murni – Baik hati

KP: Bacaan luncuran

2.3.2 (iv)
BA2: 86



Menulis

Bas Kita

“Selamat tengah hari, pak cik,” Elis dan kawan-kawannya menyapa Pak Salim, pemandu bas. Selamat tengah hari, anak-anak,” Pak Salim menyahut salam mereka dengan senyuman manis.

Elis Seok Ling Hasan Aidil Kok Bun Komala dan Julaihi duduk di dalam bas dengan tertibnya. Elis duduk bersama-sama Seok Ling. Hasan pula duduk bersama-sama Julaihi. Elis dan Seok Ling membaca buku cereta. Hasan dan Julaihi pula bercerita tentang tugasan sekolah. Mereka tidak membuang masa.

Budak-budak itu menjaga bas Pak Salim seperti menjaga kereta ayah mereka. Mereka tidak mencunteng atau merosakkan tempat duduk di dalam bas itu. Pak Salim seronok melihat disiplin Elis dan rakan-rakannya.

Tidak lama kemudian, bas pun sampai ke tempat perumahan mereka. Terima kasih pak salim. Kata mereka sambil turun dari bas.



Aktiviti

Mengedit dan memurnikan teks dari aspek ejaan, tanda baca dan penggunaan kata yang betul.


Nota Guru

- Bimbang murid mengenal pasti kesalahan ejaan, tanda baca dan penggunaan kata dalam teks.



Strategi: KB – Mengenal pasti
EMK: Nilai Murni – Bertanggungjawab

BCB: Bacaan luncuran dan imbasan





Ayat Tunggal dan Ayat Majmuk

Elis yang Baik Hati



- makan malam
- jiran mereka
- memangku anak kecil

Elis makan malam bersama dengan keluarganya di Restoran Kantan. Di meja sebelah, jiran mereka Puan Siti sedang duduk **sambil** memangku anak kecilnya.



- anak kecil menangis
- cuba memujuk
- terus menangis

Anak kecil itu menangis. Puan Siti memujuk anaknya supaya diam **tetapi** anak itu terus menangis. Dia tidak dapat menikmati makanan yang dipesan.



- bersalaman
- mengucapkan terima kasih





- mahu menolong
- meminta kebenaran

Elis mahu menolong Puan Siti itu. Dia meminta kebenaran daripada ibu **dan** ayahnya.



- pergi ke meja
- berkata sesuatu
- mengambil anak kecil itu

Elis pergi ke meja Puan Siti. Dia lalu .



- meletakkan
- menghiburkan
- berhenti menangis

serta .



Aktiviti

Membina perenggan dengan menggunakan ayat tunggal dan ayat majmuk mengikut konteks.

Nota Guru



- Bimbing murid memahami bahan untuk membina ayat.

Strategi: KB – Menjanakan idea
EMK: Nilai Murni – Keprihatinan

Pembelajaran Konstruktivisme –
Menerangkan dan menjelaskan
idea

5.3.2
(ii) & (iii)
BA2: 8q–92





Kata Ganda

Si Tompok

Amira, jiran Elis, membela seekor anak kucing. Nama anak kucing itu Si Tompok kerana mempunyai tompok-tompok hitam pada badannya. Amira sangat sayang akan Si Tompok.



Pada suatu hari, Si Tompok hilang dari sangkarnya. Amira berasa gundah-gulana. Dia mencari Si Tompok di merata-rata tempat.



Rupa-rupanya Si Tompok merayau-rayau ke rumah Elis.

- mengiau-ngiau



Elis memulangkan Si Tompok kepada Amira.

- mengusap-usap



Aktiviti

Membina karangan dengan menggunakan kata ganda mengikut konteks.



Nota Guru

- Bimbing murid mengenal pasti kata ganda.



Strategi: KB – Mengenal pasti
EMK: Nilai Murni – Prihatin

Pembelajaran Konstruktivisme –
Mengembangkan idea

5.2.3



Ayat Penyata

Saya Anak yang Terpuji

Sekolah Elis mengadakan sambutan Minggu Integriti. Elis dan rakan-rakannya dikehendaki menulis karangan berdasarkan tajuk yang diberikan.



Saya Anak yang Terpuji

Nama saya Elis binti Kamal. Ayah saya Kamal bin Ruslan. Ibu saya pula Zaidah binti Zahid. Saya sentiasa berusaha untuk menjadi anak yang baik kepada kedua-dua orang tua saya.

Saya mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh ibu dan ayah. Saya menyiapkan kerja sekolah dan mengulang kaji pelajaran mengikut jadual yang ditetapkan.

Saya juga suka membantu ibu membuat kerja rumah. Kerja harian seperti membuang sampah dan membasuh pinggan mangkuk akan saya lakukan tanpa disuruh.

Saya berharap perbuatan saya dapat menyenangkan hati ibu dan ayah. Saya sayang akan mereka.



Aktiviti

Membina karangan dengan menggunakan ayat penyata mengikut konteks.

Nota Guru

- Bimbing murid membina karangan tentang diri mereka berbanduan bahan rangsangan yang diberikan.



Strategi: KB – Menjanakan idea
EMK: Nilai Murni – Berhemah Tinggi

Pembelajaran Kontekstual –
Menghubungkaitkan

5.3.1 (ii)





Pengukuhan

- A. Tulis karangan naratif berpandukan gambar dan frasa.



- pengawas bertugas
- kehadiran murid

- datang lambat
- menutup pagar



- B. Senaraikan ayat tunggal dan ayat majmuk yang terdapat dalam karangan kamu.

Bil	Ayat Tunggal	Ayat Majmuk
	_____.	_____.



Penilaian

A. Baca dan nyatakan idea keseluruhan.

Encik Alias memandu kereta dengan berhati-hati. Beliau dalam perjalanan pulang ke kampungnya.

Encik Alias memberhentikan keretanya di simpang jalan kerana lampu isyarat tiba-tiba bertukar menjadi merah. Beliau tidak terus memandu walaupun tiada kenderaan lalu-lalang ketika itu.

Sikap Encik Alias harus dipuji. Beliau mematuhi peraturan jalan raya setiap masa.

B. Berdasarkan petikan di bawah, kenal pasti kata ganda dan kata majmuk, kemudian bina ayat.

Musim buah-buahan sudah tiba. Pokok manggis di rumah Pak Ali kelihatan berbuah lebat. Pokok itu tumbuh berdekatan dengan pagar rumah Yahya.

Buah-buah manggis yang telah masak sering gugur di halaman rumah Yahya. Selalunya, Yahya akan mengutip buah-buah yang gugur dan memasukkannya ke dalam bakul. Kemudian, Yahya ke rumah Pak Ali. Ketika berada di muka pintu rumah Pak Ali, dia pun mengetuk pintu itu perlahan-lahan sambil memberikan salam.

“Pak cik, ini buah-buah manggis pak cik. Buah-buah ini gugur di halaman rumah saya,” kata Yahya kepada Pak Ali. “Terima kasih, Yahya. Ambillah separuh buah-buah manggis ini sebagai tanda terima kasih pak cik. Bolehlah kamu makan bersama dengan adik-beradik kamu,” kata Pak Ali. “Terima kasih, pak cik,” jawab Yahya dengan senang hati.



Bacaan Luas

Nilai Murni Asas Integriti

Nilai murni bermaksud perlakuan baik yang diamalkan terhadap orang lain. Contoh perlakuan baik ialah saling menghormati dan beradab mulia. Nilai sebegini perlu dipupuk bagi membina asas integriti yang kukuh dalam diri seseorang.



Setiap orang perlu membiasakan diri untuk mengamalkan nilai murni. Kita

harus membiasakan diri untuk melakukan sesuatu tanpa mengharapkan balasan. Contohnya, menolong kawan atau jiran semasa mereka dalam kesusahan.

Nilai murni bukan setakat diamalkan sesama manusia, malahan kita juga harus bersikap baik terhadap flora dan fauna serta menjaga kemudahan awam. Misalnya, memberikan perlindungan kepada kucing-kucing yang terbiar dan tidak merosakkan tumbuh-tumbuhan di sekeliling kita.



Sekiranya semua orang mengamalkan nilai murni, pasti kita akan mempunyai integriti yang tinggi. Kehidupan kita akan menjadi aman dan sejahtera.

(Sumber: diubah suai daripada “Dari Akar hingga Buahnya” terbitan Institut Integriti Malaysia, 2006)

Dengan ini, **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baik dan bertanggungjawab atas kehilangannya, serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

Skim Pinjaman Buku Teks

Sekolah _____

Tahun	Darjah	Nama Penerima	Tarikh Terima

Nombor Perolehan: _____

Tarikh Penerimaan: _____

BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL